

## **BAB SATU :      PENGENALAN**

### **1.1    Pendahuluan**

Sebelum meneruskan perbincangan mengenai “*Perwakilan Autoriti Dalam Proses Perancangan: Kajian Di Institusi Masjid Bahagian Sri Aman*”. Terlebih dahulu penulis ingin membincangkan beberapa perkara yang perlu dibahaskan iaitu latar belakang masalah yang dikaji seperti institusi masjid, agensi yang berkaitan dengan institusi masjid, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, tinjauan literatur, skop kajian, kerangka penyelidikan dan akhir sekali adalah metodologi yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini.

### **1.2    Latar Belakang Masalah**

Perubahan masa, gaya hidup masyarakat serta perkembangan sains dan teknologi mengakibatkan kebanyakan institusi masjid masa kini tidak mampu menjadi penggerak masyarakat. Secara tidak langsung, ia menjadikan institusi masjid sebagai organisasi kelas kedua dan hanya berperanan sebagai pusat aktiviti keagamaan. Oleh yang demikian, perbincangan latar belakang masalah kajian tertumpu kepada maksud institusi masjid menurut *syara'* dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001. Kajian seterusnya menjelaskan secara sepintas lalu tentang institusi masjid di Sarawak. Kajian ini

kemudiannya menerangkan tentang agensi-agensi yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan institusi masjid seperti badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang terdapat di Sarawak.

### 1.2.1 Masjid

Dalam tradisi Islam, masjid adalah tempat ibadah.<sup>1</sup> Ia berasal dari perkataan Arab; “*sajada*”, “*yasjudu*”, “*sujūdan*” yang bermaksud tempat sujud atau tempat beribadah<sup>2</sup> iaitu dengan meletakkan dahi ke bumi.<sup>3</sup> Seseorang itu dikatakan sujud apabila ia menundukkan kepalanya dan melipat badan ke bumi.<sup>4</sup> Firman Allah s.w.t. :

Yang bermaksud:

*“Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka; pada waktu pagi dan petang.”*

Surah al-Ra’du (13) : 15.

---

<sup>1</sup> Sila lihat Mahmood Zuhdi Abdul Majid (Prof. Dato’ Paduka Dr.) (2004), “Peranan Masjid : Dulu, Kini Dan Selama-Lamanya”, *Kertas Kerja : Seminar Pembangunan Masjid Negeri Sarawak*. Kuching : Majlis Islam Sarawak., h. 1.

<sup>2</sup> Sila lihat Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad (1996), *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka : Majlis Agama Islam Melaka, h. 1.

<sup>3</sup> Ibn Manzur, Muhammad Ibn al-Mukarram (t.t.), *Lisān al-‘Arāb*. Jil. III. Kaherah, h. 1940. Lihat juga Ibn Khaldun (1995), *Mukadimah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 397.

<sup>4</sup> ‘Abd Wahhab Hamidah (t.t.), *Fath al-Masjid ‘Ala al-Thaqāfah al-Islāmiyah, Buḥūth Mu’tamar Risālah al-Masjid*. Jeddah : Dar al-Ukaz li Taba’ah wa al-Nasr, h. 371.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi :<sup>5</sup>

Yang bermaksud :

*“Dijadikan bagiku bumi itu sebagai tempat sujud dan suci.”*

Oleh itu, masjid adalah suatu tempat atau kawasan daripada permukaan bumi. Ia bebas daripada dimiliki oleh seseorang dan dikembalikan kepada yang empunya kerana Allah s.w.t. serta dikhususkan untuk bersembahyang dan beribadah.<sup>6</sup> Menurut Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 2001<sup>7</sup> pula, masjid diertikan sebagai sesuatu bangunan<sup>8</sup> :

*“Yang didirikan atau digunakan bagi maksud mengadakan sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, diperlukan, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam.”*

---

<sup>5</sup> Al-Bukhari, Abu Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari (1997), *Sahih al-Bukhari, Kitāb al-Tayammum*. Beirut, bil. 335, 1 : 125.

<sup>6</sup> Al-Hariri, Muhammad Ibn Husayn al-Hariri (1990), *Ahkām al-Masjid Fi al-Islām*. Riyad, h. 18.

<sup>7</sup> Majlis Islam Sarawak (2001), *Undang-Undang Sarawak : Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001*. Sarawak, h. 9.

<sup>8</sup> Pada peringkat awalnya, kawasan untuk solat berjemaah sudah memadai dengan menandakan empat garis persegi di atas pasir, sambil menghadap kiblat. Pada zaman Rasulullah s.a.w. terdapat tiga jenis masjid, iaitu; masjid yang mempunyai dewan solat berbumbung, masjid berhalaman terbuka dan bangunan berbumbung serta berhalaman terbuka. Sila lihat Al-Hariri, Muhammad Ibn Husayn al-Hariri (1990), *op. cit.*, h. 11 dan 48. Lihat juga Syeikh Muhammad al-Khudhori Bik (1996), *Kitab Sirah : Rasulullah S.A.W.* Hj. Mohd. Asri Hj. Hashim (terj.). Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h. 172, dan juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1998), *Masjid : Sejarah, Ciri-Ciri Pembentukan Dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia Dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur : Puncak Awal (M) Sdn. Bhd. dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, h. 46.

Selain daripada tempat beribadah dan tempat sujud, ia juga mempunyai pelbagai fungsi.<sup>9</sup> Kaum Muslimin menjadikan masjid sebagai tempat untuk mengadakan perbincangan tentang pendidikan, pentadbiran dan seluruh aspek kehidupan insan.<sup>10</sup> Di sinilah tempat Rasulullah s.a.w. bermastautin, menjadi imam dalam sembahyang berjemaah, memberi khutbah dan berdakwah, menerima tetamu dan diplomat asing, berbincang dengan para sahabat tentang masalah masyarakat, menulis dan mengirim berita kepada raja-raja, maharaja dan ketua-ketua negara lain.<sup>11</sup> Ia merupakan simbol keagungan dan kemegahan syiar Islam di seluruh pelusuk dunia dan kekal sebagai pusat perkembangan umat sama ada di dunia Islam mahupun di Barat.<sup>12</sup>

### 1.2.2 Institusi Masjid Di Sarawak

Institusi masjid di Sarawak tertakluk di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 2001 (Bab 41), iaitu memberi kuasa penuh kepada Majlis Islam Sarawak (MIS) sebagai pemegang amanah tunggal kepada semua masjid (termasuk surau) di seluruh negeri

---

<sup>9</sup> Sila lihat 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud (Dr.) (t.t.), *al-Masjid wa Athāruhu fi al-Mujtama' al-Islāmi*. Dar al-Ma'arif, h. 173.

<sup>10</sup> Muhammad Mahmud Hafiz (1975), *Buḥūth Mu'tamar Risālah al-Masjid*. Kaherah : Dar al-Fikr, h. 108.

<sup>11</sup> Muhammad Al-Buraey (1986), *Islam Landasan Alternatif Admanistrasi Pembangunan*. Jakarta : CV. Rajawali, h. 218. Lihat juga Mohamad Tajuddin Mohamad Rosdi (2004), *Hadith And Mosque : Hadith As A Guide In Disigning Mosque*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, h. 149-154. Dan juga Hassan Ibrahim Hassan (1982), *Tarikh al-Islām; al-Siyasi wa al-Dīni wa al-Thaqafi wa al-Ijtīmā'i*. Kaherah, Vol. 4, h. 422. Dan juga Ahmad Shalaby (Prof. Dr.) (1996), *Masyarakat Islam*. Prof. Muchtar Jahja (terj.). Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 144. Lihat juga Ahmad Shalaby (Prof. Dr.) (1975), *Sejarah Dan Kebudayaan Islam*. Jil. 1. Prof. Muchtar Jahja (terj.). Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 160-161. Dan Nasoha Saabin (2001), *Siri Islam Dan Masyarakat : Memartabatkan Masjid*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 17.

<sup>12</sup> Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1998), *op. cit.*, h. 8.

Sarawak dan juga berkuasa penuh untuk memberi kebenaran membina masjid, melantik jawatankuasa pengurusan masjid, melantik pegawai masjid dan sebagainya.<sup>13</sup>

Pada tahun 2008, terdapat sebanyak 268 buah masjid di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Masjid (SPPM) (Sila lihat jadual 1.1). Masjid tersebut terdiri daripada masjid gred khas, masjid gred satu, masjid gred dua, masjid gred tiga dan masjid gred empat. Sebuah masjid gred khas iaitu Masjid Jamek Negeri Sarawak, 11 buah masjid gred satu iaitu masjid bahagian,<sup>14</sup> 21 buah masjid gred dua iaitu masjid daerah, 24 buah masjid gred tiga iaitu masjid daerah kecil dan 211 buah masjid gred empat iaitu masjid kampung.<sup>15</sup>

Jadual 1.1 : **Jumlah Masjid-Masjid Berdasarkan Bahagian Di Seluruh Negeri Sarawak**

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Jumlah Masjid</b>
1	Bahagian Kuching	55
2	Bahagian Samarahan	69
3	Bahagian Sri Aman	8
4	Bahagian Betong	37
5	Bahagian Sarikei	6
6	Bahagian Sibul	6
7	Bahagian Kapit	5
8	Bahagian Mukah	40
9	Bahagian Bintulu	10
10	Bahagian Miri	15
11	Bahagian Limbang	17
<b><i>Jumlah Keseluruhan</i></b>		<b><i>268</i></b>

Sumber : Khalidi Hj. Ibrahim, Saimi Bujang dll (2009), *Profil Masjid-Masjid Negeri Sarawak*. Kuching : Majlis Islam Sarawak, h. Viii.

<sup>13</sup> Sila lihat Khalidi Hj. Ibrahim, Saimi Bujang dll (2009), *Profil Masjid-Masjid Negeri Sarawak*. Kuching : Majlis Islam Sarawak, h. 9.

<sup>14</sup> Sila lihat lampiran 1.1.

<sup>15</sup> Sila lihat Khalidi Hj. Ibrahim, Saimi Bujang dll (2009), *op. cit.*, h. 8.

Pentadbiran dan pengurusan institusi masjid di seluruh Sarawak dijalankan oleh pihak lembaga dan jawatankuasa pengurusan masjid yang dilantik oleh MIS. Kedua-dua agensi ini berperanan dalam proses pengimarahkan masjid dan menjadi orang tengah antara pihak MIS dengan masyarakat kampung.

### **1.2.2.1 Lembaga Amanah Kebajikan Islam Sarawak**

Lembaga Amanah Kebajikan Islam Sarawak (LAKIS)<sup>16</sup> adalah sebuah pertubuhan yang terlibat secara langsung dalam proses pembangunan masjid. Ia berperanan sebagai pemegang amanah, pengurus dan pentadbir segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti dan pembangunan prasarana masjid.<sup>17</sup> Antara kelebihan penubuhan LAKIS ialah mereka dibenarkan mencari sumber kewangannya sendiri seperti pelaburan dan perniagaan. Malahan ia juga dibolehkan memegang aset sama ada alih atau tidak alih. Dari segi perundangan, LAKIS adalah tertakluk kepada Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001. Antaranya :<sup>18</sup>

*“Perkara 57 (1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu Lembaga Masjid-Masjid yang hendaklah terdiri tidak kurang daripada enam orang anggota, termasuk Pengerusi, tetapi tidak lebih daripada dua belas orang anggota yang hendaklah dilantik oleh yang di-*

---

<sup>16</sup> Sila lihat lampiran 1.2.

<sup>17</sup> Di Bahagian Sri Aman wujud sembilan buah LAKIS. Terdapat empat buah LAKIS yang berkaitan dengan masjid iaitu Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Bandar Sri Aman, Lembaga Amanah Kebajikan Orang Islam Lubok Antu, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Lingga dan Lembaga Amanah Kebajikan Islam Engkili.

<sup>18</sup> Sila lihat Majlis Islam Sarawak (2001), *op. cit.*, h. 37-38.

*Pertua Negeri, atas syor Majlis, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan.”<sup>19</sup>*

Menurut Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 2001, Perkara 57 (2), peranan LAKIS terhadap institusi masjid adalah :

- a. Menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas semua masjid yang ditubuhkan di dalam Negeri;
- b. Memastikan wang dan harta masjid diuruskan dengan sewajarnya;
- c. Menjalankan apa-apa aktiviti sama ada di bawah arahan Majlis atau secara tersendiri;
- d. Memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana masjid berupa pinjaman atau sebaliknya; atau
- e. Melakukan segala perbuatan lain yang Majlis fikirkan mustahak atau suaimanfaat.

### **1.2.2.2 Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid**

Ahli jawatankuasa pengurusan masjid (AJKPM)<sup>20</sup> adalah sebuah organisasi yang wajib diwujudkan untuk setiap institusi masjid.<sup>21</sup> Menurut Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 2001; Majlis boleh melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada sesiapa sahaja yang

---

<sup>19</sup> *ibid.*

<sup>20</sup> Sila lihat lampiran 1.3.

<sup>21</sup> Sila lihat Majlis Islam Sarawak (2005), *Kaedah Pengurusan Masjid & Surau, Negeri Sarawak*. Kuching, h. 1.

difikirkan dapat mengurus atau menjaga masjid yang telah ditentukannya. Justeru, jawatankuasa tersebut hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya mengikut arahan MIS.<sup>22</sup>

Antara objektif penubuhan AJKPM yang telah digariskan oleh MIS, adalah :<sup>23</sup>

- a. Mentadbir dan mengurus masjid secara amanah, telus dan berkesan.
- b. Mengamal, menghayati dan mempertahankan kesucian Islam melalui masjid dan surau.
- c. Menyemai perasaan muhibbah di antara anak kariah dan menyemarakkan semangat kerjasama serta gotong-royong dalam hal kebajikan.
- d. Berusaha untuk memaju pendidikan formal dan kefahaman agama Islam, membangun ekonomi serta meningkatkan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi di kalangan anak kariah.
- e. Bekerjasama dengan Jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta, dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dalam melaksanakan aktiviti agama, sosial dan kebajikan.
- f. Menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, ilmu, dakwah, perpaduan, pembangunan, pengurusan dan kepimpinan.
- g. Melaksanakan arahan MIS dari semasa ke semasa.

AJKPM merupakan salah satu biro atau jawatankuasa kecil yang berada di bawah penguasaan LAKIS.<sup>24</sup> Manakala LAKIS pula berperanan menyalurkan peruntukan yang

---

<sup>22</sup> Majlis Islam Sarawak (2001), *op. cit.*

<sup>23</sup> Majlis Islam Sarawak (2005), *op. cit.*, h. 1-2.

<sup>24</sup> Sila lihat Lampiran 1.2.



diperlukan oleh AJKPM bagi menjayakan aktiviti pengimarahannya masjid dan membekalkan dana bagi membaik pulih bangunan masjid atau membeli alat ganti atau keperluan asas masjid. LAKIS mempunyai kuasa untuk menyimpan, melabur dan menjalankan aset yang ada. Manakala AJKPM pula, tidak dibenarkan melabur dan memegang sebarang aset. AJKPM hanya dibenarkan menyimpan wang secara tunai melalui akaun bank dan memperolehi dana melalui sumbangan. Dengan yang demikian, tidak semua masjid mempunyai LAKIS dan tidak semua masjid tertakluk di bawah LAKIS.<sup>25</sup>

### **1.2.3 Agensi Yang Berkaitan**

Institusi masjid mendapat bantuan dan sokongan dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Kerajaan Negeri Sarawak (KNS) melalui agensi-agensi seperti Pejabat Residen, Pejabat Daerah, Pejabat Agama Islam Bahagian atau Jabatan Agama Islam Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Tabung Baitulmal Sarawak bertanggungjawab menyediakan pegawai-pegawai bagi menyelaras dan memantau pengurusan serta pentadbiran setiap institusi masjid. Selain itu, agensi-agensi tersebut juga bertanggungjawab memastikan pembangunan prasarana asas dan kemudahan-kemudahan untuk beribadah sentiasa terpelihara.

---

<sup>25</sup> Terdapat empat buah AJKPM yang bernaung di bawah LAKIS iaitu Masjid Bandar Sri Aman, Masjid Nurul Huda Lubok Antu, Masjid Al-Hana Lingga dan Masjid Darul Naaim Engkilili. Manakala AJKPM yang tidak bernaung di bawah LAKIS ialah Masjid Salatul Rahman Stumbin, Masjid Bahagia Bakong, Masjid Nahdatul Islam Tanjung Bijat dan Masjid Kampung Pulau Seduku.

### 1.2.3.1 Jabatan Agama Islam Sarawak

MIS dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) adalah dua organisasi yang berbeza dari segi dasar dan pelaksanaannya. MIS merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 17 Disember 1954 di bawah *Ordinance Majlis Islam In-Corporation*. Nama asal MIS ialah Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Sarawak.<sup>26</sup> Manakala pada 17 Ogos 1990 pula, JAIS telah ditubuhkan dan diberikan tanggungjawab sebagai setiausaha serta pelaksana kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh MIS.<sup>27</sup>

Di peringkat bahagian pula, JAIS telah mewujudkan cawangannya iaitu Pejabat Agama Islam Bahagian (PAIB). PAIB bertanggungjawab dalam segala urusan masyarakat Islam di bahagian masing-masing, antara tanggungjawab tersebut adalah menyelaras hal ehwal masjid dan surau. Tugas ini di bawah tanggungjawab Unit Masjid dan Surau yang dianggotai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam (Naqib).<sup>28</sup> Pegawai Naqib berperanan memastikan pembangunan prasarana dan aktiviti-aktiviti masjid sentiasa terpelihara. Pegawai tersebut juga berperanan mengurus perlantikan Pegawai Masjid iaitu Imam Satu, Imam Dua, Imam Tiga, Bilal dan Merbot. Pegawai Naqib juga berperanan memastikan setiap masjid mempunyai organisasi yang mampu bertindak sebagai pentadbir dan mengurus segala aktiviti masjid.

---

<sup>26</sup> MIS berperanan sebagai penasihat kepada Yang Di-Pertua Negeri Sarawak berkenaan dengan hal ehwal Islam dan menetapkan polisi serta dasar bagi memperjuang dan meningkatkan syiar Islam di Sarawak. Sila lihat peranan M.I.S. dalam Majlis Islam Sarawak (2001), *op. cit.*, h. 11-13.

<sup>27</sup> Sila lihat peranan JAIS dalam *ibid.*, h. 19-21. Lihat juga lampiran 1.4.

<sup>28</sup> Sila lihat lampiran 1.5.

### **1.2.3.2 Pejabat Residen Dan Pejabat Daerah**

Pejabat Residen merupakan penggubal dasar di peringkat bahagian. Manakala Pejabat Daerah pula berperanan sebagai pelaksana kepada dasar-dasar yang telah dibentuk oleh Pejabat Residen. Dalam konteks institusi masjid, kedua-dua pejabat ini berperanan sebagai penasihat atau penyokong kepada usaha yang telah dilakukan oleh PAIB. Kedua-dua pejabat ini juga memainkan peranan sebagai penyalur dana bagi projek membaik pulih dan membina masjid serta surau baru di bahagian masing-masing. Dengan ini, kedua-dua pihak terlibat secara langsung dalam proses pembangunan fizikal masjid. Manakala tugas pengimarahannya serta pemantauan aktiviti masjid pula diserahkan kepada PAIB.

### **1.2.3.3 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak ditubuhkan setelah wujudnya Unit Latihan dan Dakwah di Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri pada 11 September 1978. Pada tahun 1984, berikutan penyusunan semula Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, Unit Latihan dan Dakwah di Sarawak dinaik taraf dan dikenali sebagai Unit Dakwah Sarawak. Pada tahun 1987, Unit Dakwah Sarawak dinaik taraf menjadi BAHEIS Cawangan Sarawak. Pada 1 Januari 1997, BAHEIS dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak.<sup>29</sup>

---

<sup>29</sup> Sila lihat laman sesawang <http://www.islam.gov.my/cawsarawak/sejarah.html>, 20 November 2006.

Bagi mencapai visi yang telah ditetapkan, iaitu untuk menjaga hal ehwal Islam di Sarawak, JAKIM telah menubuhkan Unit Sibu bagi mengendalikan Bahagian Sibu, Sarikei dan Kapit. Unit Miri ditubuhkan bagi mengendalikan Bahagian Miri, Bintulu dan Lawas.<sup>30</sup> Manakala bagi Zon Selatan Negeri Sarawak pula dikendalikan oleh JAKIM Kuching. Melalui visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan, JAKIM berperanan mengimarahkan institusi masjid di bawah SPPM dengan memperuntukkan elaun sebanyak RM 450.00 sebulan bagi Imam Satu, Imam Dua dan Imam Tiga. Di samping itu, JAKIM juga menganjurkan program-program seperti kelas takmir, bengkel solat, kursus jenazah, bengkel ibadah dan sebagainya.

#### **1.2.3.4 Tabung Baitulmal Sarawak**

Tabung Baitulmal Negeri Sarawak (TBS) ditubuhkan di bawah Ordinan Majlis Islam (Pembentukan) (Pindaan) 1984 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak dalam persidangannya pada 18 dan 19 Julai 1984 dan telah dilancarkan secara rasminya pada 5 Disember 1984. Ordinan tersebut telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1985. Bermula dari tarikh penguatkuasaan ordinan tersebut, TBS sebagai wakil MIS bertanggungjawab dalam pengurusan zakat dan berperanan menyediakan kemudahan

---

<sup>30</sup> *ibid.*

mengutip, mengagih serta mengurus Dana Zakat dan Dana Baitulmal. Di samping itu, TBS juga berperanan menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat.<sup>31</sup>

Di peringkat bahagian pula, TBS diwakili oleh TBS cawangan bahagian. Antara perkhidmatan yang dijalankan oleh TBS Cawangan Sri Aman berkaitan dengan institusi masjid adalah memberi bantuan dari segi kewangan untuk membeli kelengkapan asas masjid dan surau serta bantuan untuk aktiviti keilmuan seperti “*Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan*”, “*Program Memantapkan Kebajikan Ummah*” dan “*Program Membangunkan Institusi Masjid*”.<sup>32</sup>

#### **1.2.3.5 Jawatankuasa Pembangunan Masjid Dan Surau**

Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Surau Peringkat Negeri Sarawak (JKPM&SNS) diketuai oleh Menteri Muda Di Pejabat Ketua Menteri merangkap Menteri Muda Hal Ehwal Islam Sarawak. Antara ahli jawatankuasa pembangunan masjid dan surau adalah terdiri daripada Pejabat Residen Bahagian, Pejabat Daerah, JAIS atau PAIB, Jabatan Kerja Raya Bahagian, Jabatan Tanah dan Ukur Bahagian dan pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya dan Majlis Daerah. Jawatankuasa ini hanya berperanan menjaga fizikal institusi masjid dan surau seperti peruntukan membaik pulih, pembinaan baru, status tanah dan lain-lain bantuan yang dirasakan perlu untuk prasarana masjid atau surau.

---

<sup>31</sup> Sila lihat peranan Baitulmal dalam Majlis Islam Sarawak (2001), *op. cit.*, h. 28-34.

<sup>32</sup> Sila lihat lampiran 1.6.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Institusi masjid dewasa ini tidak mampu menjadi penggerak masyarakat dalam segenap bidang kehidupan umat manusia secara amnya dan umat Islam secara khususnya. Ketidakmampuan ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara seperti; AJKPM tidak berupaya untuk menghasilkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berdaya saing dan berkualiti. AJKPM juga cenderung menghasilkan program-program yang berulang pada setiap tahun dan melaksanakannya dengan kaedah yang sama. Kebanyakan program yang dianjurkan oleh AJKPM pula, secara tidak sedar hanya disasarkan kepada golongan warga emas.

AJKPM juga cenderung mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk ibadah khusus semata-mata dengan memisahkan program-program berbentuk muamalat. Dengan ini, ia akan membentuk budaya dan persepsi baru ke atas institusi masjid iaitu; masjid hanya untuk akhirat, masjid hanya layak untuk program-program yang berkaitan dengan ibadah khusus dan masjid hanya untuk golongan warga emas. Secara tidak langsung, ia mengakibatkan institusi masjid gagal untuk menghadapi peredaran zaman, perubahan kehendak masyarakat dan ketinggalan dalam arus kemodenan.

Dengan ini, dirumuskan bahawa kegagalan institusi masjid membentuk dan mendidik masyarakat disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu; faktor persekitaran luaran dan dalaman, perkembangan sains dan teknologi serta perbezaan taraf hidup masyarakat. Dalam menjalankan kajian ini, penulis hanya memfokuskan kepada masalah dalaman

yang terdapat pada AJKPM itu sendiri iaitu; perwakilan autoriti dan proses perancangan yang menjadi amalan di institusi masjid di Bahagian Sri Aman.

Penulis berusaha mengenal pasti kegagalan AJKPM untuk menarik minat masyarakat dengan menjadikan ‘perwakilan autoriti dan proses perancangan’ sebagai medium untuk mendalami permasalahan ini. Penulis juga berusaha untuk mengkaji dan mengenal pasti konsep dan proses perwakilan autoriti serta konsep dan proses perancangan yang difahami oleh AJKPM. Kajian ini juga berusaha untuk mencungkil amalan pembentukan perancangan yang sering dilakukan oleh AJKPM. Ia seterusnya mengutarakan corak perancangan yang lebih kemas dan teratur bagi institusi masjid secara ringkas. Namun demikian, autoriti yang diberikan kepada AJKPM dan segala bentuk perancangan tidak akan berguna sekiranya AJKPM hanya didedahkan dengan teori-teori dan tiada bantuan secara langsung bagi mengembalikan fungsi masjid.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk “*mengenal pasti realiti perwakilan autoriti dan amalannya bagi membentuk perancangan program pengimarahannya institusi masjid*”.

Manakala objektif khusus pula adalah seperti berikut :

- a. Memahami konsep autoriti dan proses perwakilannya, proses perancangan dalam organisasi serta perkara-perkara yang berkaitan

dengannya seperti pemilihan objektif, proses analisis, pemilihan strategi, proses pelaksanaan dan proses kawalan.

- b. Mengenal pasti aliran proses perwakilan autoriti daripada MIS kepada AJKPM dan tanggungjawab setiap agensi yang terlibat dalam proses perwakilan tersebut, serta untuk mengetahui program-program pengimarahannya yang sering dijalankan oleh AJKPM dan sumber kewangan untuk membangunkan institusi masjid di Bahagian Sri Aman.
- c. Menganalisis maklumbalas daripada AJKPM, kakitangan kerajaan dan swasta berkenaan dengan realiti proses perwakilan autoriti seperti peranan PAIB Sri Aman, bidang kuasa AJKPM, program pengukuhan pengurusan masjid, proses perantaraan Pegawai Masjid, pemilihan calon AJKPM serta mengkaji sejauhmana AJKPM memanfaatkan autoriti yang diberi untuk merancang program pengimarahannya masjid.
- d. Mengemukakan saranan-saranan dan langkah-langkah bagi proses penambahbaikan atau meningkatkan lagi martabat institusi masjid.



## 1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingannya tersendiri. Demikianlah juga dengan kajian ini, iaitu berusaha mencari kelemahan yang timbul dalam proses pengimarahannya institusi masjid melalui penekanan terhadap konsep dan perwakilan autoriti dalam pembentukan perancangan institusi masjid. Penyelidikan seperti ini dapat dijadikan panduan kepada mereka yang berusaha untuk memartabatkan institusi masjid. Antara kepentingan kajian ini adalah :

- a. Menjadi alternatif kepada institusi masjid bagi memaksimumkan penggunaan autoriti untuk membentuk perancangan yang sistematik.
- b. Menjadi bahan rujukan bagi semua pihak yang ingin terlibat sama dalam membangunkan institusi masjid.
- c. Menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang perwakilan autoriti dan perancangan menurut Islam di institusi masjid.
- d. Sebagai landasan yang bukan hanya bersandarkan kepada teori semata-mata bahkan didedahkan secara praktikal untuk dilaksanakan di institusi masjid.

## 1.6 Tinjauan Literatur

Kajian dan penyelidikan berkaitan dengan institusi masjid sering menjadi perhatian ramai di kalangan penyelidik dan penulis sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Kebanyakan penyelidikan tersebut mempunyai matlamat yang sama iaitu mencari jalan bagi mengatasi permasalahan yang timbul di institusi masjid. Penelitian dan pengkajian yang sering menjadi perbincangan di kalangan penyelidik dan penulis dalam konteks zaman sekarang adalah program-program pengimarahannya dan kesannya, pengurusan dan pentadbiran serta sejarah dan reka bentuk institusi masjid.

Oleh yang demikian, bagi menampung lompang akademik dalam bidang pengurusan masjid, penulis memilih tajuk “*Perwakilan autoriti dalam proses perancangan: kajian di institusi masjid Bahagian Sri Aman*” sebagai bahan penyelidikan. Dengan ini, tinjauan literatur bagi kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu; perwakilan autoriti, institusi masjid dan Bahagian Sri Aman.

Dalam aspek perwakilan autoriti, kajian yang dilakukan oleh Sharifah Zaleha Syed Hassan menjurus ke arah pengalaman sosial seorang kadi.<sup>33</sup> Buku ini berkisar kepada perundangan Islam iaitu autoriti yang diwakilkan kepada seseorang kadi bagi menetapkan sebarang persoalan hukum atau permasalahan yang berkaitan dengan umat

---

<sup>33</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan (1994), *Ilmu dan Autoriti : Pengalaman Sosial Seorang Kadi*, Bangi : Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.

Islam. Sementara itu, Mohammad Azam Hussain<sup>34</sup> dalam latihan ilmiahnya menjelaskan tentang autoriti yang diwakilkan kepada wali hakim dalam proses perkahwinan. Latihan ilmiah ini membincangkan tentang perundangan Islam iaitu perbandingan antara enakmen keluarga Islam Negeri Kedah dengan fiqh Islam. Manakala latihan ilmiah Saedah Sanip<sup>35</sup> pula berkenaan dengan autoriti fatwa di Negeri Selangor. Kajian berbentuk perundangan Islam ini membincangkan tentang autoriti yang terdapat pada fatwa-fatwa di Malaysia dengan menjadikan Negeri Selangor sebagai kajian.

Walaupun terdapat banyak penulisan berkenaan dengan autoriti dalam bidang pengajian Islam sama ada dalam bentuk buku dan latihan ilmiah, namun masih belum terdapat perbincangan tentang perwakilan autoriti dalam proses perancangan khususnya berhubung penganjuran program-program pengimarahkan masjid.

Penulisan dan penyelidikan berkaitan dengan institusi masjid pula sering membincangkan tentang sejarah dan seni bina masjid, program pengimarahkan dan kesannya serta pengurusan dan pentadbiran masjid. Buku yang disusun oleh Datuk Haji Mohamed bin Haji Ahmad<sup>36</sup> menjelaskan tentang sejarah ringkas masjid-masjid Negeri Melaka. Buku Mahmud Yusuf Li Hua Yen<sup>37</sup> pula membincangkan tentang sejarah dan

---

<sup>34</sup> Mohammad Azam Hussain (1998), *Kedudukan dan Autoriti Wali Hakim dalam Pernikahan : Perbandingan Antara Fiqh dan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah*, Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Sesi 1997/1998.

<sup>35</sup> Saedah Sanip (1991), *Autoriti Fatwa di Malaysia : Satu Tinjauan di Negeri Selangor Darul Ehsan*, Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1991.

<sup>36</sup> Hj. Mohamed bin Hj. Ahmad (t.t.), *Sejarah Ringkas Masjid-Masjid Negeri Melaka*, Melaka : Majlis Agama Islam Melaka.

<sup>37</sup> Mahmud Yusuf Li Hua Yen (1995), *Masjid-Masjid di Negara China*, (terj. Mukhlisin Sa'ad), Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

reka bentuk masjid-masjid di Negara China. Manakala Abdullah Mohamed<sup>38</sup> pula menjelaskan tentang bentuk-bentuk masjid di alam Melayu.

Dalam aspek pengimarahannya masjid, penyelidikan telah dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Hussin Salomon, Muhammad Ismail Mustari dan Bushra Basiron,<sup>39</sup> Abdul Jalil Borham dan Othman Napih<sup>40</sup> serta Abd. Hamid Othman,<sup>41</sup> kebanyakan perbincangan tertumpu kepada peranan, bentuk program pengimarahannya dan mengutarakan cadangan yang bersesuaian bagi meningkatkan mutu perkhidmatannya masjid.

Tulisan dalam bentuk disertasi dan tesis doktor falsafah pula, program pengimarahannya masjid sering menjadi subjek kajian. Antara disertasi dan tesis tersebut adalah; Fakhru Adabi Abdul Kadir dalam tesis doktor falsafah bertajuk “*Kelas Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesannya*”,<sup>42</sup> Sarkiah Shaari dalam disertasi “*Masjid Negara : Suatu Kajian Tentang Usaha-Usahannya Dalam Pendidikan Kanak-Kanak*”,<sup>43</sup> Mohd Azam Jaafar dalam disertasi “*Peranan Masjid Negeri Arau, Perlis Dalam Mengubah Pemikiran*

---

<sup>38</sup> Abdullah Mohamed (1978), *Bentuk-Bentuk Bangunan Masjid : Kunci Memahami Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

<sup>39</sup> Hussin Salomon (Pof. Madya Dr.), Muhammad Ismail Mustari dan Bushra Basiron (2005), *Persepsi Jemaah Masjid Terhadap Keberkesanan Kuliah-Kuliah Agama Yang Dianjurkan oleh Pihak Masjid : Satu Kajian Kes di Masjid Daerah-Daerah Johor Darul Takzim*.

<sup>40</sup> Abdul Jalil Borham dan Othman Napih (1999), *Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Umat : Satu Kajian Kes Terhadap Masjid-Masjid di Malaysia*.

<sup>41</sup> Abd. Hamid Othman (ed.) (2007), *Islam Hadhari : Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, Putrajaya : Yayasan Islam Hadhari.

<sup>42</sup> Fakhru Adabi Abdul Kadir (2006), *Kelas Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesannya*, Tesis PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

<sup>43</sup> Sarkiah Shaari (2006), *Masjid Negara : Suatu Kajian Tentang Usaha-Usahannya Dalam Pendidikan Kanak-Kanak*, Disertasi (Sarjana Usuluddin), Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

*Masyarakat Setempat*”,<sup>44</sup> dan Mahayudin Abu Bakar dalam disertasi “*Aktiviti Dakwah di Masjid-Masjid di Bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) : Satu Penilaian*”.<sup>45</sup>

Bagi pengurusan dan pentadbiran masjid, penyelidikan ilmiah dilakukan oleh Mohd. Mohadis Haji Yasin dalam disertasi bertajuk “*Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid : Kajian Kes di Negeri Melaka*”.<sup>46</sup> Manakala dalam bentuk kertas kerja pula, pengurusan dan pentadbiran masjid dibincangkan melalui seminar mahupun ijtimaq yang dianjurkan oleh agensi kerajaan. Antara kertas kerja tersebut adalah; *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid*,<sup>47</sup> *Seminar Pembangunan Masjid Negeri Sarawak*<sup>48</sup> dan *Ijtimaq Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak*.<sup>49</sup> Dalam kertas kerja yang dibentangkan, perbincangan banyak tertumpu kepada saranan-saranan, corak pengurusan masjid, kewangan masjid dan pengendalian aktiviti masjid. Di samping itu, ia juga menetengahkan tentang etika pegawai masjid dan permasalahan khutbah.

---

<sup>44</sup> Mohd Azam Jaafar (2003), *Peranan Masjid Negeri Arau, Perlis Dalam Mengubah Pemikiran masyarakat Setempat*, Disertasi (Sarjana Usuluddin), Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

<sup>45</sup> Mahayudin Abu Bakar (2007), *Aktiviti Dakwah di Masjid-Masjid di Bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) : Satu Penilaian*, Disertasi (Sarjana Usuluddin), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.

<sup>46</sup> Mohd. Mohadis Haji Yasin (1997), *Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid : Kajian Kes di Negeri Melaka*, Disertasi (Sarjana Usuluddin), Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1997.

<sup>47</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2002), *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

<sup>48</sup> Majlis Islam Sarawak (t.t.), *Seminar Pembangunan Masjid Negeri Sarawak*. Kuching : Majlis Islam Sarawak.

<sup>49</sup> Jabatan Agama Islam Sarawak (t.t.), *Ijtimaq Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Sarawak*. Kuching : Jabatan Agama Islam Sarawak.

Dalam konteks kajian dan penyelidikan di Bahagian Sri Aman, kebanyakan latihan ilmiah membincangkan tentang aspek-aspek seperti sosio-budaya dan pendidikan kaum Iban, perkahwinan campur dan sosio-ekonomi. Sebagai contoh, “*Rumah Panjang Masyarakat Iban : Satu Kajian Dari Aspek Ruang Budaya di Tanjung Bijat, Sri Aman, Sarawak*” oleh Jugah Enau,<sup>50</sup> “*Pendidikan Formal Masyarakat Iban : Satu Kajian Kes di Daerah Kecil Pantu, Sri Aman, Sarawak*” oleh Camie Karim,<sup>51</sup> “*Pilihan Bahasa Dalam Perkahwinan Campur : Satu Kajian Kes di Sri Aman*” oleh Norliza Amin,<sup>52</sup> “*Pembangunan Bandar Sri Aman dari Tahun 1980-2000 Serta Pandangan Penduduk Terhadap Pembangunan Bandar Sri Aman*” oleh Hiew Lan Foon<sup>53</sup> dan “*Penglibatan Penduduk Luar Bandar Dalam Projek Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan. Satu Kajian Kes Terhadap Penglibatan Penduduk Tempatan Dalam Projek Penternakan Ikan Air Payau Komersial di Tanjung Jaya dan Seduku, Lingga di Sri Aman*” oleh Valarie ak Loly.<sup>54</sup>

Walaupun terdapat banyak tulisan dan penyelidikan yang telah dilakukan terhadap autoriti, institusi masjid dan Bahagian Sri Aman sama ada dalam bentuk buku,

---

<sup>50</sup> Jugah Enau (2002), *Rumah Panjang Masyarakat Iban : Satu Kajian Dari Aspek Ruang Budaya di Tanjung Bijat, Sri Aman, Sarawak*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2002.

<sup>51</sup> Carmie Karim (2002), *Pendidikan Formal Masyarakat Iban : Satu Kajian Kes di Daerah Kecil Pantu, Sri Aman, Sarawak*, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002.

<sup>52</sup> Norliza Amin (1995), *Pilihan Bahasa Dalam Perkahwinan Campur : Satu Kajian Kes di Sri Aman*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1995.

<sup>53</sup> Hiew Lan Foon (2003), *Pembangunan Bandar Sri Aman dari Tahun 1980-2000 serta Pandangan Penduduk Terhadap Pembangunan Bandar Sri Aman*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaysia Sarawak, 2003.

<sup>54</sup> Valarie ak Loly (2001), *Penglibatan Penduduk Luar Bandar Dalam Projek Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan. Satu Kajian Kes Terhadap Penglibatan Penduduk Tempatan Dalam Projek Penternakan Ikan Air Payau Komersial di Tanjung Jaya dan Seduku, Lingga di Sri Aman*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaysia Sarawak, 2001.

kertas kerja dan penulisan akademik seperti latihan ilmiah, disertasi dan tesis doktor falsafah, namun masih terdapat ruang yang belum diselidiki. Sebagai contoh, kajian mengenai perwakilan autoriti yang terdapat pada AJKPM untuk membentuk program pengimarahannya masjid masih belum diterokai sama ada dalam bentuk artikel ilmiah, rencana, kertas kerja, buku dan penulisan akademik.

Lantaran itu, kajian ini cuba untuk mengisi lompong akademik bagi mengkaji dan menyelidiki proses perwakilan autoriti dari KNS kepada AJKPM dalam membentuk perancangan program pengimarahannya. Di samping itu, kajian ini juga cuba membincangkan bentuk perancangan yang sering diamalkan oleh AJKPM bagi pengimarahannya sesuatu program pengimarahannya.

## **1.7 Skop Kajian**

Penulis telah menentukan skop kajian bagi memastikan penyelidikan ini tidak tersasar dari matlamatnya. Oleh yang demikian, kajian ini adalah berbentuk kajian kes berkenaan dengan perwakilan autoriti dalam proses pembentukan perancangan di institusi masjid di Bahagian Sri Aman.

Penyelidikan ini membincangkan definisi autoriti dan perancangan menurut sarjana pengurusan yang terkenal dan diadunkan dengan prinsip-prinsip Islam agar bersesuaian dengan organisasi masjid. Perbincangan seterusnya tertumpu pada konsep,

sifat, tahap pelaksanaan dan proses perwakilan autoriti atau proses perancangan yang sistematik. Kajian ini juga menekankan tentang konsep masjid dan peranannya. Ia memfokuskan institusi masjid sebagai bahan utama penyelidikan dengan menjadikan kesemua lapan buah masjid di Bahagian Sri Aman sebagai sampel kajian.

Kajian ini seterusnya menyentuh tentang latar belakang institusi masjid di Bahagian Sri Aman dengan membincangkan bentuk aliran perwakilan autoriti pengimarah dan perancangan institusi masjid. Ia juga menjelaskan tentang program-program untuk memantapkan AJKPM dan aktiviti-aktiviti yang sering dianjurkan oleh masjid-masjid di Bahagian Sri Aman. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan tentang sumber dana institusi masjid seperti sumber kewangan dan peruntukan membaik pulih masjid.

Penyelidikan ini kemudiannya membincangkan realiti perwakilan autoriti dalam proses perancangan institusi masjid. Ia menjelaskan tentang peranan PAIB Sri Aman, perwakilan autoriti melalui perlantikan atau pembaharuan AJKPM, ciri-ciri pemilihan calon AJKPM dan pelaksanaan autoriti oleh AJKPM. Kajian ini juga menjelaskan tentang realiti proses pembentukan perancangan yang berlaku di institusi masjid dan pelaksanaan program pengimarah masjid. Kajian ini seterusnya menjelaskan pandangan dan maklumbalas kakitangan agensi kerajaan dan bukan kerajaan berkenaan dengan perwakilan autoriti dan proses perancangan yang diamalkan oleh AJKPM di Bahagian Sri Aman.



## **1.8 Kerangka Penyelidikan**

Penyelidikan ini mangandungi lima bab yang disusun dan dibentuk agar mencapai objektif kajian. Oleh itu, turutan dari satu bab ke satu bab yang seterusnya telah ditentukan agar mempunyai kesinambungan kajian. Kerangka penulisan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

Bab satu: Pengenalan.

Bab pengenalan ini membincangkan tentang latar belakang masalah yang dikaji seperti institusi masjid, agensi yang berkaitan dengan institusi masjid dan memuatkan proposal kajian.

Bab dua: Konsep perwakilan autoriti dalam proses perancangan.

Bab ini dibahagikan kepada tiga tajuk iaitu konsep autoriti, konsep perwakilan autoriti dan konsep perancangan. Perbincangan tentang konsep autoriti berkisar kepada definisi dan bentuk autoriti serta sumber-sumber yang membentuk autoriti. Perbincangan seterusnya berkisar kepada konsep perwakilan autoriti. Ia memperincikan tentang definisi perwakilan kuasa dan kaedah perwakilan kuasa yang dikaitkan dengan sejarah Islam secara sepintas lalu. Bagi konsep perancangan, perbincangan tertumpu kepada definisi perancangan dan kehujahannya menurut Islam. Bab ini seterusnya membicarakan tentang perancangan yang bermula dari pembentukan matlamat sehinggalah ke proses kawalan.

Bab tiga: Institusi masjid di Bahagian Sri Aman.

Bab ini dibahagikan kepada enam tajuk iaitu; latar belakang Bahagian Sri Aman, latar belakang institusi masjid di Bahagian Sri Aman, aliran perwakilan autoriti, program pemantapan perwakilan autoriti dalam proses perancangan, aktiviti institusi masjid dan sumber dana institusi masjid. Bab ini dimulakan dengan memperkenalkan Bahagian Sri Aman seperti sejarah, jumlah penduduk dan geografi bahagian ini. Kajian ini juga menjelaskan secara sepintas lalu tentang kesemua lapan buah masjid di Bahagian Sri Aman. Bab ini seterusnya menjelaskan tentang aliran perwakilan autoriti pengimarah dan perancangan institusi masjid. Ia kemudiannya menjelaskan tentang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bagi memantapkan AJKPM berkaitan dengan perwakilan autoriti dan proses perancangan. Bab ini juga menjelaskan tentang aktiviti-aktiviti yang sering dianjurkan oleh kesemua lapan buah institusi masjid di Bahagian Sri Aman. Perbincangan juga menyentuh tentang sumber dana bagi institusi masjid, iaitu sumber kewangan institusi masjid dan peruntukan membaik pulih bangunan masjid.

Bab empat: Realiti perwakilan autoriti dalam proses perancangan institusi masjid di Bahagian Sri Aman.

Bab ini merupakan kesinambungan daripada bab-bab yang terdahulu. Ia dibahagikan kepada empat bahagian iaitu peranan PAIB Sri Aman dalam proses perwakilan autoriti, realiti perwakilan autoriti dalam institusi masjid, realiti proses perancangan institusi masjid di Bahagian Sri Aman serta maklumbalas dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Bahagian pertama dalam bab ini membincangkan tentang peranan PAIB Sri Aman, bidang kuasa dan tanggungjawab yang diturunkan kepada AJKPM dan program

pengukuhan pengurusan AJKPM. Bahagian kedua dalam bab ini pula membincangkan tentang realiti perwakilan autoriti dalam institusi masjid di Bahagian Sri Aman iaitu perwakilan autoriti melalui perlantikan atau pembaharuan AJKPM, ciri-ciri pemilihan calon AJKPM dan pelaksanaan autoriti oleh AJKPM. Bahagian ketiga pula membincangkan tentang realiti proses perancangan yang berlaku di institusi masjid berkenaan dengan pembentukan perancangan dan pelaksanaan program pengimarahkan masjid. Manakala bahagian keempat pula membincangkan tentang maklumbalas kakitangan agensi kerajaan dan bukan kerajaan berkaitan dengan realiti perwakilan autoriti dan perancangan serta perwakilan autoriti dan perancangan yang terdapat di Masjid Bandar Sri Aman.

Bab lima: Rumusan kajian dan saranan

Bab terakhir dalam kajian ini menyentuh tentang dapatan kajian yang telah dilakukan ke atas proses perwakilan autoriti di institusi masjid Bahagian Sri Aman. Di samping itu, beberapa saranan diutarakan untuk meningkatkan mutu pengurusan institusi amnya dan proses perwakilan autoriti bagi merancang program pengimarahkan institusi masjid.

## 1.9 Metodologi Penyelidikan

Metodologi berasal daripada perkataan Greek ‘*Methods*’ yang bererti cara atau jalan dan ‘*Logos*’ bermaksud ilmu.<sup>55</sup> Manakala penyelidikan pula bermaksud tatacara yang teratur digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru.<sup>56</sup> Penyelidikan bukannya aktiviti pemindahan kenyataan atau kebenaran dari sumber menjadi maklumat lain, misalnya daripada kertas kerja bertukar menjadi sebuah buku. Sebaliknya, penyelidikan merupakan aktiviti menambah ilmu pengetahuan yang dapat mengurangkan kejahilan seseorang individu dan juga masyarakat terhadap perkara, benda atau manusia lain.<sup>57</sup>

Metodologi<sup>58</sup> penyelidikan bermaksud proses penyelidikan yang merupakan andaian-andaian nilai yang menjadi dasar atau alasan penyelidikan yang digunakan untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan. Ia merupakan satu cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Penggunaan metod yang bersesuaian dengan tajuk kajian adalah amat penting bagi menghasilkan kajian yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi dan berkualiti.

---

<sup>55</sup> Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

<sup>56</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi : Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3.

<sup>57</sup> Sulaiman Masri (2005), *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan : Esei, Proposal dan Tesis*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 2-3.

<sup>58</sup> Dalam penyelidikan dibezakan antara Metodologi dan Kaedah; Metodologi ialah falsafah proses penyelidikan. Manakala kaedah ialah teknik atau alat yang digunakan untuk mengumpul data. Sila lihat Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 46-47.

Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan dua metodologi umum penyelidikan iaitu metod pengumpulan data dan metod analisis data. Melalui kedua-dua jenis kaedah ini, pengumpulan data sekunder dan primer dilakukan bagi membentuk konsep dan teori autoriti serta perancangan. Hasil daripada konsep autoriti dan perancangan yang telah dibentuk, kajian lapangan dilakukan bagi mengumpul data yang berkaitan dengan realiti perwakilan autoriti dan proses perancangan yang terdapat di institusi masjid. Data tersebut kemudiannya dianalisis melalui kaedah yang telah ditetapkan bagi mendapatkan kesimpulan daripada kajian yang telah dilakukan.<sup>59</sup>

### **1.9.1 Metod Pengumpulan Data**

Metodologi kajian yang digunakan bagi pengumpulan data sekunder dan primer melibatkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan melibatkan kaedah dokumentasi dan historik, manakala kajian lapangan pula melibatkan penggunaan kaedah temubual dan pemerhatian bagi pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif.

#### **1.9.1.1 Kajian Perpustakaan**

Penulis telah menetapkan kaedah kajian perpustakaan sebagai metod utama pengumpulan data yang berkaitan dengan definisi, sejarah, konsep, proses perwakilan autoriti, proses

---

<sup>59</sup> Sila lihat Lampiran 1.7.

perancangan dan sebagainya. Dengan ini, kaedah historis dan dokumentasi merupakan sandaran utama bagi kajian ini. Antara perpustakaan yang telah dikunjungi sepanjang kajian dijalankan adalah :

- a) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- b) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- c) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- d) Pustaka Negeri Sarawak, Kuching Sarawak.
- e) Perpustakaan Jabatan Agama Islam Sarawak, Kuching Sarawak.
- f) Perpustakaan Pejabat Residen, Bahagian Sri Aman.
- g) Perpustakaan Awam Sri Aman, Bahagian Sri Aman.
- h) Perpustakaan Pejabat Agama Islam, Bahagian Sri Aman.
- i) Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, Bahagian Sri Aman.

#### **i. Kaedah Historis**

Kaedah historis digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu peristiwa, perkembangan dan pengalaman pendidikan yang telah berlaku. Kaedah ini penting bagi

mengumpul dan menentukan bukti serta fakta secara sistematik dan objektif.<sup>60</sup> Segala fakta diteliti dan diamati bagi mendapatkan fakta yang sahih. Oleh itu, kaedah ini digunakan untuk mendapatkan segala fakta yang berkaitan dengan institusi masjid, sejarah Bahagian Sri Aman dan sebagainya.

## **ii. Kaedah Dokumentasi**

Kaedah dokumentasi bermaksud cara pengumpulan data dengan mengadakan kajian dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diselidiki. Ia merujuk kepada bahan bertulis atau bercetak yang digunakan sebagai rekod atau bukti yang boleh memberikan berbagai keterangan. Melalui kaedah ini, kebanyakan bahan rujukan sekunder berbentuk buku, jurnal, majalah, tesis, disertasi, kertas kerja, minit mesyuarat dan data atas talian sesawang (*on-line*) yang berkaitan dengan masalah kajian dikumpul, diamati, dianalisis dan dibuat perbandingan bagi menghasilkan beberapa perkara seperti keseluruhan bab satu dan dua. Kaedah ini melibatkan kajian tentang konsep dan proses perwakilan autoriti serta proses perancangan, definisi-definisi, sejarah-sejarah, latar belakang dan sebagainya.

---

<sup>60</sup> Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 87.

### 1.9.1.2 Kajian Lapangan

Penulis menggunakan kajian lapangan bagi menjelaskan realiti kepenggunaan autoriti dan pembentukan perancangan yang diamalkan oleh AJKPM di Bahagian Sri Aman. Reka bentuk kajian ini berdasarkan teori dan konsep autoriti serta perancangan yang diadaptasi untuk menjalankan kajian lapangan ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan autoriti dan perancangan di kalangan AJKPM. Dapatan daripada kajian ini kemudiannya menerangkan tentang kelemahan yang perlu diperbaiki.

Oleh yang demikian, kajian ini memerlukan reka bentuk untuk mengenal pasti dan melabelkan pembolehubah sebelum kajian dibuat.<sup>61</sup> Dua pembolehubah dikenal pasti iaitu pembolehubah bersandar atau bergantung dan tidak bersandar atau bebas. Pembolehubah bersandar merujuk kepada hasil atau produk yang dijangka dari sesuatu tindakan atau perubahan peristiwa<sup>62</sup> seperti kefahaman dan pengamalan AJKPM terhadap proses perwakilan autoriti serta proses pembentukan perancangan. Manakala pembolehubah tidak bersandar pula terdiri daripada aspek-aspek demografi responden seperti jawatan, tempoh berkhidmat, umur, pekerjaan dan kelayakan.

---

<sup>61</sup> Sila lihat Tuckman (1978), *Analysing Sosial Educational Research Data*. London : McGraw Hill.

<sup>62</sup> Sila lihat Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), *Rekabentuk Tinjauan : Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia, h. 38.



## i. Populasi Dan Sampel Kajian

Menurut Ahmad Mahdzan, populasi merujuk kepada sekumpulan entiti, unsur, benda atau objek sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, yang menjadi subjek kajian atau perkara yang dikaji oleh seseorang penyelidik.<sup>63</sup> Manakala Sulaiman Ngah pula mendefinisikan populasi sebagai kumpulan seluruh unit yang ciri-cirinya hendak diterangkan. Unit ialah mana-mana ahli dalam populasi.<sup>64</sup> Populasi pula merupakan satu “*universe*” yang disampelkan dan dibahagikan kepada sub-set kumpulan yang besar.<sup>65</sup> Sampel pula merupakan kumpulan subjek yang terdiri daripada individu-individu yang dipilih daripada kumpulan perseorangan yang dikenali sebagai populasi.<sup>66</sup>

Bagi tujuan kajian ini, hanya satu sahaja kaedah persampelan yang digunakan iaitu persampelan bertujuan. Kaedah ini dilakukan ke atas kumpulan sasaran tertentu<sup>67</sup> yang mempunyai maklumat untuk objektif kajian. Kumpulan sasar persampelan bertujuan ini ialah Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari. Oleh itu, setiap individu yang terpilih diadakan temujanji untuk melakukan proses temubual. Seramai lapan orang wakil dari AJKPM bagi kesemua lapan buah masjid di Bahagian Sri Aman dan seramai lima orang individu berkecuali menjadi sampel kajian kerana setiap seorang daripada mereka mewakili kelompok masing-masing.<sup>68</sup>

---

<sup>63</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (2005), *op. cit.*, h. 57.

<sup>64</sup> Sulaiman Ngah Razali (1996), *op. cit.*, h. 61.

<sup>65</sup> Fink, A (1995), *How to Sample Survey*. London : Sage Publication.

<sup>66</sup> McMilan, J.H. dan Schumacher, S. (1984), *Research In Education: A Conceptual Introduction*. Boston : Little Brown Co.

<sup>67</sup> Sila lihat Ahmad Mahdzan Ayob (2005), *op. cit.*, h. 122. Dan juga Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), *op. cit.*, h. 85.

<sup>68</sup> Sila lihat lampiran 1.8.

## ii. Kaedah Temubual

Menurut McMilan dan Schumacher,<sup>69</sup> temubual adalah sama dengan soal-selidik kerana pengkaji menyoal soalan kepada subjek.<sup>70</sup> Perbezaan yang paling ketara antara soal-selidik dengan temubual ialah temubual bersifat lisan dan melibatkan interaksi verbal secara langsung kerana semasa menemubual, penyelidik boleh menyiasat dan menyoal untuk mendapatkan penjelasan jika perlu. Kebiasaannya, temubual boleh menghasilkan maklumat yang lebih mendalam dan terperinci berbanding dengan soal-selidik walaupun penyelidik terpaksa menyediakan panduan untuk sesuatu sesi temubual.

Pengkaji menggunakan kaedah temubual berstruktur bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan institusi masjid di Bahagian Sri Aman seperti latar belakang dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan, realiti perwakilan autoriti serta realiti pembentukan dan pengamalan perancangan di institusi masjid. Kaedah temubual berstruktur ini digunakan sepenuhnya bagi menyiapkan sebahagian bab tiga dan keseluruhan bab empat.

Set soalan temubual dengan AJKPM dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu latar belakang masjid dan aktiviti pengimaran, autoriti dan perancangan. Sebanyak tujuh soalan berkaitan latar belakang dan aktiviti-aktiviti masjid dibuat oleh pengkaji bagi meminta penjelasan lanjut tentang latar belakang masjid dan maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti masjid dari tahun 2005 hingga 2007. Soalan bahagian autoriti pula mempunyai empat soalan yang berkaitan dengan program pengukuhan pengurusan

---

<sup>69</sup> McMilan, J.H. dan Schumacher, S. (1984), *op. cit.*

<sup>70</sup> Lihat juga Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), *op. cit.*, h. 105.

AJKPM, ciri-ciri pemilihan calon AJKPM, pelaksanaan autoriti oleh AJKPM dan tugas-tugas yang sering dilaksanakan oleh AJKPM. Dalam bahagian perancangan pula, terdapat dua soalan disediakan iaitu berkaitan dengan pembentukan perancangan oleh AJKPM dan faktor-faktor yang sering diambil kira ketika merancang.<sup>71</sup>

Selain set soalan untuk AJKPM, penulis juga menyediakan set soalan khas untuk pegawai-pegawai di agensi kerajaan dan swasta seperti JAIS, PAIB Sri Aman, Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan TBS. Soalan-soalan tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu peranan PAIB Sri Aman, bidang kuasa dan tanggungjawab AJKPM, proses pendaftaran dan pembaharuan AJKPM serta maklumbalas dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan.<sup>72</sup>

### **iii. Kaedah Pemerhatian**

Dalam usaha mengembangkan pengetahuan ilmiah mengenai sesuatu yang terdapat di alam semesta ini, penelitian merupakan metod yang pertama digunakan dalam melakukan kajian ilmiah.<sup>73</sup> Melalui kaedah ini, penyelidik mengamati tingkah laku subjek berdasarkan kepada pembolehubah-pembolehubah yang dikenal pasti seperti perjalanan mesyuarat di kalangan AJKPM dan perjalanan aktiviti yang dianjurkan oleh mereka.

---

<sup>71</sup> Sila lihat lampiran 1.9.

<sup>72</sup> Sila lihat lampiran 1.10.

<sup>73</sup> Sila lihat Koentjaraningrat (1997), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta : Penerbitan PT Gramedia Pustaka Utama, h. 109.

Melalui kaedah ini dapat mengukuhkan lagi bukti-bukti yang diperolehi melalui kaedah temubual.

## **1.9.2 Metod Analisis Data**

Penganalisan membolehkan penyelidik mendapatkan keputusan-keputusan bagi masalah yang dikaji dan merupakan proses bagi membuat kesimpulan hasil daripada kajian yang telah dijalankan.<sup>74</sup> Melalui kaedah ini, tiga cara utama digunakan bagi mendapatkan rumusan kajian berkaitan dengan perwakilan autoriti dan pembentukan perancangan di institusi masjid. Tiga kaedah tersebut ialah metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif.

### **1.9.2.1 Metod Induktif**

Metod induktif bermaksud suatu cara penganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil umum.<sup>75</sup> Melalui kaedah ini, penulis menggunakannya untuk membuat andaian umum hasil daripada data-data khusus yang diperolehi seperti perbincangan tentang definisi masjid dan latar belakang masjid-masjid di Bahagian Sri Aman, sejarah Bahagian Sri Aman,

---

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 326 – 327.

<sup>75</sup> Abdul Halim Hj. Mat Diah (1983), “Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia”, *Disertasi Doktor*. Yogyakarta : Institusi Agama Islam Negeri, Sunan Kalijaya, h. 131.

agensi-agensi yang berkaitan, konsep dan proses perwakilan autoriti serta konsep dan proses perancangan dan kepentingannya.

### **1.9.2.2      Metod Deduktif**

Metod deduktif digunakan untuk menghasilkan kesimpulan yang khusus dari data-data yang bersifat umum.<sup>76</sup> Melalui kaedah ini, penulis menggunakannya untuk membuat andaian khusus hasil dari data-data umum yang diperolehi seperti perbincangan tentang program pementapan perwakilan autoriti dan perancangan, realiti proses perwakilan autoriti serta proses perancangan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di institusi masjid. Data-data yang diperolehi digunakan untuk memahami tahap pemahaman dan pengamalan AJKPM terhadap autoriti bagi membentuk perancangan pengimarahannya institusi masjid di Bahagian Sri Aman.

### **1.9.2.3      Metod Komparatif**

Metod komparatif pula merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi dalam penyelidikan. Oleh itu, ia sering digunakan bagi membentuk rumusan kajian dan bagi menentukan perkara positif dan negatif yang terdapat dalam proses perwakilan autoriti serta proses perancangan institusi

---

<sup>76</sup> Sila lihat Koentjaraningrat (1997), *op. cit.*, h. 327.

masjid di Bahagian Sri Aman. Ia juga digunakan untuk menentukan kesan dan akibat hasil daripada perwakilan autoriti yang tidak teratur serta proses perancangan yang tidak sistematik.

## **1.10 Kesimpulan**

Masjid merupakan suatu tempat atau kawasan daripada permukaan bumi yang dikhususkan untuk menunaikan solat dan beribadah kepada Allah s.w.t. Ia berperanan sebagai tempat untuk mengadakan perbincangan tentang pendidikan, pentadbiran dan seluruh aspek kehidupan manusia. Di Sarawak terdapat sebanyak 268 buah masjid yang terdiri dari gred khas, gred satu, gred dua, gred tiga dan gred empat. Kesemua masjid ini terletak di bawah SPPM dan di bawah kawalan MIS. Dalam pengurusan dan pentadbiran institusi masjid di Sarawak, MIS telah dibantu oleh agensi-agensi seperti JAIS, LAKIS, AJKPM, Pejabat Residen, TBS, Jakim dan lain-lain lagi. Oleh itu, penyelidikan ini menjelaskan tentang realiti perwakilan autoriti dan amalannya bagi membentuk perancangan program pengimarahkan institusi masjid di Bahagian Sri Aman. Bagi memastikan kajian ini lebih ilmiah, tinjauan literatur telah dijalankan dan hasilnya masih wujud lompang akademik terhadap institusi masjid yang perlu diterokai. Di samping itu, bagi memastikan kajian ini lebih terarah, skop kajian dan kerangka penyelidikan telah disediakan. Skop kajian penyelidikan ini hanya berkisar tentang proses perwakilan autoriti, perancangan, institusi masjid dan Bahagian Sri Aman. Manakala metod utama bagi pengumpulan data adalah kajian perpustakaan, temubual dan pemerhatian.